

KANUN

JURNAL UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Makalah
HAK PRIVASI DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM

Laporan Kes
RIMBA MUDA TIMBER TRADING
lwn
LIM KUOH WEE

DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
lwn
MENTERI DALAM NEGERI MALAYSIA

MASCOM (M) SDN. BHD. & SL
lwn
KAMAWANG ENTERPRISE SDN. BHD. & SL

BESHARAPAN SDN. BHD. & 2 YL
lwn
AGROCO PLANTATION SDN. BHD. & SL



KANDUNGAN

Ketua Editor
Padilah Haji Ali
(padilah@dbp.gov.my)
Editor
Shahriah Mohd Shariff
(shahriah@dbp.gov.my)
Penolong Editor

Pentadbiran

Jamilah Abd. Kadir, Aishah Salleh,
Zaharah Ngah Marzuki, Ruzana Haji Samhudi,
Zainab Abdul Rahim, Khairul Azhar Baharuddin



Pengerusi

Datuk Johan Jaaffar

Ketua Pengarah

Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah

Timbalan Ketua Pengarah

Kamarul Zaman Shahrudin

Pengarah Penerbitan

Zulkifli Salleh

Ketua Bahagian Penyelarasan Penerbitan dan Kawal Selia Pensewastiaan

Haji Khalid Haji Ahmad

Penerbit

Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia Tel: 03-21481011, 03-21484211, 03-21481820, Faks: 603-21484208, Teleks: DBPKLMA 32683

Dicetak oleh

Dawama Sdn. Bhd.

Kompleks Dawama

Lot 1037, Jalan AU3/1

54200 Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

Urusan Langganan

Unit Khidmat Pelanggan, Dawama Sdn. Bhd., Kompleks Dawama,

Lot 1037, Jalan AU 3/1, 54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-41074233, 41074286 Faks: 03-41084235

<http://www.dawama.com>

Kanun diterbitkan setiap tiga bulan mulai Disember 1989. © Hak Cipta Terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan atau dipinjamkan, disimpan di dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Semua makalah akan dinilai. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan sikap *Kanun*. Karya yang disiarkan, boleh diterbitkan semula dengan syarat ada persetujuan daripada Ketua Pengarah atau Ketua Editor. Segala sumbangan yang dikirimkan, sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2007

Harga: RM25.00

Indeks Bidang

Indeks Perkara

MAKALAH

Hak Privasi dari Perspektif Perundangan Islam
Zainal Amin Ayub dan Zurqati Mohamed Yusoff

Kewajipan Tersirat Majikan:

Menurut Perspektif Islam dan Undang-undang
Naziree Bin Md Yusof

LAPORAN KES

Mahkamah Persekutuan

Sathiyamurthi

lwn

Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah

Rimba Muda Timber Trading

lwn

Lim Kioh Wee

Kam Teck Soon

lwn

Timbalan Menteri Dalam Negeri,
Malaysia & 7 YL

Mahkamah Rayuan

Dr. Mohd Nasir bin Hashim

lwn

Menteri Dalam Negeri Malaysia

Hak Privasi dari Perspektif Perundangan Islam

Oleh Zainal Amin Ayub* dan Zurwati Mohamed Yusoff**

Islam merupakan satu agama yang universal, sesuai sepanjang zaman dan merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Secara semula jadinya manusia dijadikan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang bersosial dan memerlukan persekitaran sosial dalam kehidupannya. Dalam menjalani kehidupannya ada perkara-perkara yang perlu dihormati dan ada yang memerlukan perundangan tertentu agar kehidupan manusia sentiasa dalam keadaan aman dan sejahtera.

Sehubungan dengan hal itu, Islam mengiktiraf hak-hak tertentu bagi setiap individu dan menjamin hak-hak tersebut sama ada bagi seseorang Islam atau bukan Islam dalam sesebuah negara. Antara hak-hak tersebut adalah hak untuk hidup,¹ hak untuk hidup dengan kemuliaan,² hak untuk keadilan,³ hak yang sama terhadap perlindungan undang-undang,⁴ hak untuk memilih,⁵ hak kebebasan bersuara, hak terhadap privasi,⁶ hak terhadap harta,⁷ dan hak

* Zainal Amin Ayub ialah pensyarah di Fakulti Pengurusan Awam & Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, LL.B (Hons.) (UIAM), LL.M (UKM).

** Zurwati Mohamed Yusoff ialah pensyarah Fakulti Pengurusan Awam & Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, LL.B (Hons.) (UIAM), MCL (UIAM), Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

1 "Sesapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (karena) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya." (Al-Maidah 5:32). Lihat juga Al-Isra' 17:33.

2 Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) menemuhi dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (karena) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan menemuhi dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (karena) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setenggal kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim. (Al-Hujurat 49:11). Lihat juga 49:12-13.

3 Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang memegang keadaan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesama jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada tagwa. (Al-Maidah 5:8). Lihat juga al-Nisa' 4:135, al-Isra' 17:36 dan al-Nisa' 4:58.

4 Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu mengikut dengan adil. (Al-Nisa', 4:58).

5 Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) (al-Baqarah 2:256). Lihat juga al-Kahf 18:29, Yunus 10:99, al-Kahf 109:1-6, al-Ankabut 29:20, al-Hajj 22:46 dan ar-Rum 30:9.

6 Akan dibincangkan.

7 Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu mengeluarkan harta kamu (memberi rasuah) kepada

terhadap keperluan asas untuk hidup.⁸

Penulisan ini cuba membincangkan hak-hak privasi, sama ada ianya diiktiraf di dalam Islam, institusi penguat kuasa undang-undang, sejauh mana hak privasi itu perlu dihormati serta had-had privasi dalam perundangan Islam.

Hak Privasi dalam Islam

Islam sebagai satu agama yang benar dan suci telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibrail. Agama Islam yang syumul ini diturunkan bersama-sama hak-hak yang diiktiraf yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Ini termasuklah perkara-perkara yang berhubung kait dengan suruhan menjaga hubungan sesama manusia, serta hormat menghormati hak dan privasi seseorang. Agama Islam jelas melarang umatnya daripada memperkatakan keaiban seseorang walaupun ternyata orang itu bersalah. Apatah lagi membuka keaiban seseorang yang telah meninggal dunia secara terbuka di khayalak ramai. Begitulah besarnya maruah seseorang Muslim itu sehingga agama tidak membenarkan membuka keaiban sendiri atau sesiapa pun kerana ia boleh meniatkan maruah seseorang itu.⁹

Islam dengan jelas mengiktiraf hak privasi seseorang individu. Hak privasi tersebut adalah seperti yang berikut:¹⁰

1. hak setiap individu untuk menjalani hidupnya sendiri
2. hak terhadap perlindungan individu dan tempat tinggal dari sebarang pencerobohan
3. hak perlindungan maklumat peribadi

Hak untuk Menjalani Hidupnya Sendiri

Islam memberikan kebebasan kepada setiap individu untuk menjalani kehidupan dengan caranya sendiri. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)".¹¹ Menurut Abdullah

hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambili) sebahagian dari harta manusia dengan (Overbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya). (al-Baqarah 2:188), lihat juga al-Baqarah 2:267.

8 Al-Dharyat 51:19.

9 Mohd. Shauki Abd. Majid, 2004. Tutup aib sesama Islam *Utusan Malaysia*, terdapat di <http://www.utusan.com.my/utusan/>.

10 Between, Mohamed, Dr. 2004. *The Fundamental Rights: An Islamic Perspective*, di atas talian <http://www.libyaforum.org/english/index.php?option=content&task=view&id=320&Itemid=86>.

11 Al-Baqarah 2:256.

Yusuf Ali,¹² ayat ini menunjukkan bahawa paksaan adalah tidak serasi dalam hal agama kerana:

- (i) agama adalah bergantung kepada kepercayaan dan kemahuan dan ianya akan menjadi tidak bermakna sekiranya dilakukan secara paksaan
- (ii) kebenaran dan kebatilan telah ditunjukkan dengan jelas oleh Allah SWT dan sepatutnya tidak ada sebarang keraguan di dalam minda seseorang berhubung dengan perkara asas berkaitan kepercayaan
- (iii) Perlindungan Allah itu bersifat terus-menerus dan perancangan-Nya membawa manusia kepada cahaya kebenaran.

Muhammad Asad¹³ menyatakan bahawa dalam apa-apa sahaja perkara berkaitan dengan kepercayaan atau agama, kesemua fughah Islam tanpa sebarang pengecualian mengatakan bahawa paksaan ke atas orang bukan Islam supaya memeluk Islam adalah merupakan satu dosa besar dan kemasukan ke dalam Islam adalah tidak sah dengan sebab paksaan tersebut. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah yang berbunyi:

*Katakanlah (wuhai Muhammad): "Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah dan kamu tidak pernah pula mengatui penyembah Tuhan yang aku sembah. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agama ku."*¹⁴

Secara amnya, manusia bebas untuk melakukan apa yang disukainya seperti melancang, memilih pekerjaan, makanan, memilih mengamalkan cara hidupnya sendiri, malah memilih agama. Oleh itu, Islam melarang keras sebarang bentuk paksaan dalam agama seperti yang telah dinyatakan di atas. Berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa Islam menghormati hak orang-orang bukan Islam untuk beribadat dan mengamalkan ajaran agama mereka tanpa sebarang gangguan. Walau bagaimanapun, hak untuk seseorang itu mengamalkan kepercayaannya tidaklah sama seperti haknya untuk bebas melakukan apa sahaja, atas dasar tuntutan agama. Contohnya, kerajaan boleh melalui undang-undang menghalang seseorang dari melakukan korban manusia atau pembunuhan nyawa insan yang lain atas dasar tuntutan agama atau kebebasan mengamalkan kepercayaan sesuatu pihak.

Di samping itu, bagi seseorang Islam, atau setelah seseorang itu menganut agama Islam, mereka adalah terikat dengan peraturan dan undang-undang

12 Abdullah Yusuf Ali, 1991. *The Meaning of the Holy Quran*, Washington, USA: Amanat Corporation.

13 Muhammad Asad, 1980. *The Message of the Quran*, Gibraltar: Dar al-Andalus.

14 Al-Kafirun 109:1-6.

yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Ini jelas ditunjukkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman! Masalahlah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya,..."¹⁵ dan dalam firmanNya lagi yang bermaksud "...maka patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) kitab dan mengingkari akan sebahagian yang lain?"¹⁶ Maka, pematuhan terhadap prinsip yang telah diturunkan oleh Islam adalah pematuhan secara menyeluruh dan tidak hanya boleh sekadar mengambil sebahagiannya sahaja. Namun, Allah SWT tetap memberikan pilihan kepada orang Islam melalui firmanNya¹⁷ seperti yang dikuasai oleh Abdullah Yusuf Ali di mana Allah telah memberikan kita kuasa untuk membuat pertimbangan agar kita boleh memilih jalan yang akan dilalui (Allah telah mengutuskan Rasul untuk menunjukkan jalan yang benar).

Hak terhadap Perlindungan Individu dan Tempat Tinggal daripada Sebarang Penceroohan

Islam menganggap hak privasi merupakan sesuatu hak kebebasan yang amat berharga. Contohnya, al-Qur'an menyatakan dengan jelas bahawa privasi seseorang tidak boleh diganggu atau diceroahi kecuali dengan kebenaran. Islam melindungi privasi seseorang setiap individu dari sebarang pencerobohan sama ada oleh pemerintah atau sesiapa sahaja kecuali dengan bukti yang jelas berlakunya jenayah. Allah SWT berfirman di dalam al-Qur'an yang maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya, yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). Al-Nur 24:27

Maka sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin; dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu berundur balik; cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan. Al-Nur 24:28

Berdasarkan ayat di atas jelas Islam menjadikan rumah-rumah kediaman itu mempunyai kehormatan yang tidak boleh diganggu sewenang-wenangnya, serta tidak boleh memasuki rumah orang secara mendadak melainkan setelah diminta kebenaran dan diizinkan masuk.¹⁸

15 Al-Baqarah 2:208.

16 Al-Baqarah 2:85.

17 Al-Balad 90:10.

18 Asy-Syahid Sayyid Quth, 2000. *Tafsir fi Zilalil Qur'an*, Jilid 11, Kota Bharu: Pustaka Aman Sdn. Bhd., hlm. 392.

a

b

c

d

e

f

g

h

a

b

c

d

e

f

g

h

Di sini permintaan izin diungkapkan dengan kata-kata "isti'nas" (yang bererti meminta kemesraan), iaitu satu pengungkapan yang membayar kehormatan dan kesopanan cara meminta izin untuk memasuki kawasan persendirian atau rumah orang lain. Dengan kehormatan dan kesopanan itu, boleh menimbulkan perasaan mesra di hati pemilik kawasan persendirian atau penghuni rumah itu dan kesediaan mereka untuk menyambut kedatangan.

Setelah meminta keizinan, tidaklah dibenarkan seseorang itu masuk sehinggalah diizinkan oleh pemilik atau penghuni rumah tersebut. Maka meminta izin sahaja adalah tidak cukup untuk mengharuskannya masuk kerana permintaan itu hanya suatu permintaan sahaja. Jika pemilik kawasan atau tuan rumah tidak memberi keizinan, maka dia tidak boleh masuk dan dia pasti berundur dari situ tanpa teragak-agak dan menunggu apa-apa lagi.¹⁹

Namun, rumah tumpangan awam seperti hotel, tempat kediaman umum dan rumah-rumah yang disediakan untuk para tetamu yang terpisah dari rumah kediaman, maka tidak ada apa-apa kesalahan memasukinya tanpa meminta keizinan kerana mengelakkan dari kesulitan selama sebab yang wajar untuk meminta izin itu tidak wujud.²⁰

Allah SWT. juga mengiktiraf pentingnya hak privasi dalam kalangan hamba-hamba-Nya. Malah, lebih dari itu, Islam telah memberikan hak privasi dalam kalangan sesama ahli keluarga di rumah. Ini dijelaskan oleh Allah SWT di dalam firman-Nya yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (yang menjelaskan hukum-hukum-Nya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana.²¹

Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (yang menjelaskan hukum-hukum-Nya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana.²²

19 KANUN (1)

19 Ibid., hlm. 395.

20 Ibid., hlm. 396.

21 Al-Nur 24:58.

22 Al-Nur 24:59.

Ayat di atas menjelaskan ketidak-tidaknya, terdapat tiga waktu di mana keizinan hendaklah diminta ketika memasuki kawasan peribadi ibu bapa atau ahli keluarga seperti bilik tidur dan sebagainya iaitu pada waktu sebelum subuh, tengah hari dan selepas solat Isyak. Seterusnya, bagi kanak-kanak yang baru mencapai umur baligh, hendaklah mereka itu diajar untuk meminta keizinan sebelum memasuki bilik yang selain daripada bilik mereka sendiri.

Menurut sebuah riwayat, sebab turunnya ayat ini ialah pada suatu waktu tengah hari, Rasulullah SAW mengutus seorang khadam daripada kaum Ansar bernama Mudaj untuk menemui Umar r.a. Ketika itu Umar r.a. sedang tidur. Khadam tersebut mengetuk pintu dan terus masuk membuatkan Umar terjaga daripada tidurnya dan duduk, dalam keadaan sebahagian daripada auratnya dapat dilihat oleh Khadam. Maka Umar r.a. berkata, sesungguhnya aku mahu jika Allah SWT melarang setiap bapa, anak dan khadam daripada masuk menemui kita dalam keadaan seperti ini, kecuali setelah meminta izin. Kemudian Umar r.a. dan khadam itu berangkat menemui Rasulullah SAW dan mendapati ayat ini telah diturunkan, lalu dia menyungkur diri untuk sujud. Ini merupakan salah satu persamaan pendapat Umar r.a. dengan wahyu.²³

Hak Perlindungan Maklumat Peribadi

Secara amnya, Islam memberikan garis panduan di dalam sesebuah masyarakat dalam sesebuah negara agar privasi dan kebebasan individu hendaklah dipelihara. Seseorang individu itu adalah dijamin hak maklumat peribadinya untuk dilindungi daripada didekahkan kepada umum kecuali dengan keizinannya. Ayat di bawah ini menyediakan satu pagar kawalan dalam masyarakat Islam untuk melindungi kehormatan dan kebebasan individu apabila ia mengajar manusia supaya membersihkan perasaan prasangka buruk daripada wujud di dalam diri mereka. Melalui ayat ini, Islam dengan jelas melarang prasangka dan keraguan terhadap orang lain kerana kebanyakannya adalah mendatangkan dosa.

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.²⁴

"Al-Tajassus" dalam ayat di atas membawa maksud memata matai, iaitu mencari keburukan dan kecacatan serta membuka rahsia yang disembunyi oleh individu tertentu. Melalui ayat ini Allah mendidik hamba-hamba-Nya supaya melakukan perkara-perkara yang boleh mengukuhkan hubungan dalam masyarakat Islam seperti:

- (i) Menghindar prasangka yang buruk terhadap sesama manusia dan mengelakkan tuduhan bahawa mereka khianat dalam apa apa perkara yang mereka ucapkan atau lakukan. Ini disebabkan sebahagian daripada prasangka dan tuduhan tersebut kadang-kadang merupakan dosa semata-mata.
- (ii) Jangan mencari keburukan dan keaiban orang lain.
- (iii) Janganlah ada sebahagian mereka membicarakan tentang sebahagian yang lain berkenaan perkara yang tidak mereka sukai tanpa pengetahuan mereka.²⁵

Allah SWT juga melarang hamba-Nya daripada mengintip. Tindakan mengintip mencari keaiban orang yang kadang-kadang merupakan tindakan susutan dari prasangka buruk terhadap mereka. Dan kadang-kadang ia merupakan tindakan permulaan untuk mencari dan mengetahui keaiban dan keburukan orang lain.

Manusia mempunyai kebebasan dan kehormatan mereka masing-masing yang tidak harus dicabul dan disentuh dengan apa-apa cara sekalipun. Tidak ada alasan yang membenarkan seseorang itu untuk mencabul kehormatan diri rumah tangga, rahsia dan keaiban mereka. Hinga alasan untuk kepentingan siyasatan jenayah tidak layak dijadikan alasan untuk mengintip dan mencari keaiban orang lain. Manusia itu harus dilihat zahir mereka sahaja dan tidak seorang pun yang berhak memeriksa batin mereka. Tiada seorang pun yang boleh menangkap atau mempersalahkan mereka melainkan dengan kesalahan jenayah yang jelas dilakukan mereka. Tiada seorang pun yang berhak menaruh prasangka buruk atau menduga mereka akan melakukan kesalahan, lalu ia pun mengintip mereka, walaupun ia tahu mereka pernah melakukan sesuatu kesalahan secara sembunyi dan dia hanya berhak menangkap mereka ketika mereka melakukan jenayah itu dan ketika terdapatnya jenayah itu.²⁶

Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud: Kami telah diceritakan oleh al-Qa'nabi, kami telah diceritakan oleh Abdul Aziz ibn Muhammad dari al-'Ala' dari bapanya dari Abu Hurayrah katanya: Ada orang bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah ta'rif mengumpat?" jawab Rasulullah

23 Ahmad Mustafa Al-Maraghiy, 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*, Jilid 9 (Juzuk 17 & 18), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 47/95.

24 Al-Hujurat 49:12.

25 Ahmad Mustafa al-Maraghiy, 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*, Jilid 13 (Juzuk 25 & 26), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 65/04.

26 Asy-Syahid Sayid Quthb, *Tafsir fi Zilalil Qur'an*, Jilid 15, Kota Bharu: Pustaka Aman Sdn Bhd., hlm. 106-107.

SAW: "Engkau menyebut perihal saudaramu dengan apa sahaja yang tidak disukainya". Kemudian orang bertanya lagi: "Terangkan kepada kami bagaimana jika saudaraku itu mempunyai sesuatu (kecelakaan) yang wajar saya katakan?" Jawab Rasulullah SAW: "Jika dia mempunyai sesuatu (kecelakaan) yang dapat engkau katakan bererti engkau telah mengumpatnya, dan jika ia tidak mempunyai sesuatu (kecelaan) yang dapat engkau katakan bererti engkau telah berduka terhadapnya".²⁷

Dalam riwayat yang lain pula, diceritakan bahawa apabila Ma'iz mengaku berzina dengan perempuan al-Ghamidiyah dan kedua-duanya telah direjankan oleh Rasulullah SAW setelah kedua-duanya mengaku secara sukarela dan mendesak supaya mereka direjankan untuk membersihkan diri mereka, tiba-tiba Nabi SAW mendengar dua orang lelaki bercakap-cakap. Salah seorangnya berkata kepada temannya: "Tengoklah orang ini (Ma'iz), dia telah dilindungi Allah, tetapi dia tidak diam hingga dia direjam seperti seekor anjing". Kemudian Rasulullah SAW terus berjalan sehingga terserempak dengan bangkai keldai, lalu baginda bersabda: "Di mana si anu dan si anu? Turunlah kamu berdua di sini dan makanlah bangkai keldai ini." Kedua orang lelaki itu pun menjawab: "Allah mengurniakan keampunan kepadamu wahai Rasulullah! Apakah bangkai ini boleh dimakan?" Jawab Rasulullah SAW: "Perkataamu yang mengumpat saudaramu (Ma'iz) tadi lebih keji daripada makan bangkai ini. Demi nyawaku di dalam tangan qudrat kuasa-Nya, dia (Ma'iz) sekarang sedang bermandi-mandi di dalam sungai-sungai di Syurga".²⁸

Secara ringkasnya, dapatlah kita lihat bahawa Islam dengan jelas melindungi hak privasi seseorang dan melarang umatnya dari mengatakan atau mendedahkan keaiban orang lain, mengutip-intip atau mencari-cari kesalahan orang lain. Keburukan dan kejahatan yang jelas dilakukan sahaja yang wajib ditegur atau dinasihati, atau sekiranya perlu, ianya dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk dilakukan siasatan dan diambil tindakan. Badan penguat kuasa yang dilantik kerajaan adalah pihak yang berhak untuk menerima laporan dan mengambil tindakan. Di zaman Rasulullah SAW, ianya dikenali sebagai institusi Hisbah.

Institusi Penguatkuasaan (Hisbah)

Hisbah adalah perkataan Arab yang berasal daripada sebutan *Hasaba* yang bermakna menghitung, menimbang atau menilai. Dengan pengertian inilah Hisbah dikaitkan sebagai satu institusi yang bertugas memerhati, meninjau dan memastikan supaya semua kerja berjalan di atas landasan menegakkan yang baik (*ma'ruf*) dan mencegah yang jahat (*munkar*).²⁹ Hisbah dari segi

a

b

c

d

e

f

g

h

a

b

c

d

e

f

g

h

bahasa bermakna *ihitash* iaitu meneliti, mentadbir, melihat, mencegah atau menahan seperti mencegah seseorang dari melakukan kemungkaran, atau mendapat balasan, seperti seseorang melakukan kebaikan untuk mendapat hisbah (balasan) dari Allah SWT.³⁰ Dari segi istilah pula, Imam Al-Mawardi menjelaskan hisbah ialah melaksanakan tugas-tugas keagamaan, iaitu menyeru melakukan *ma'ruf* (kebaikan) yang jelas jika ternyata ditinggalkan dan mencegah melakukan kemungkaran yang jelas jika ternyata dilakukan.³¹ Definisi ini menunjukkan bahawa peranan hisbah ini hanya tertakluk kepada perkara yang jelas sahaja iaitu perbuatan yang berlaku di tempat awam dan bukannya di tempat persendirian seperti rumah sendiri, bilik tidur dan sebagainya. Sebagai contoh, sekiranya terdapat seorang lelaki yang tidak berpuasa tetapi secara sembunyi terus tinggal di rumahnya atau di mana-mana tempat persendirian, kesalahan seperti ini tidak perlu dicari-cari oleh seseorang Islam yang lain. Tetapi sekiranya kesalahan itu tadi dilakukan di tempat awam, tindakan undang-undang oleh hisbah boleh diambil.

Sejarah Islam menunjukkan bahawa institusi hisbah diberikan beberapa peranan yang khusus mengikut tempat dan sektor sosial. Umpanannya terdapat anggota institusi hisbah yang khusus menjaga pasar (*umama' al-sug*) dan *muhitash* yang pakar dalam pelbagai kemahiran dan perkilangan (*urafa' al-hirai wal-sina'at*). Mereka berperanan untuk mengawasi segala bentuk penipuan, penyelewengan, pemalsuan, dan penyalahgunaan yang berlaku di premis perniagaan dan industri. Terdapat juga anggota institusi hisbah yang menjadi wakil di tempat-tempat strategik dari segi ekonomi dan keselamatan seperti pelabuhan, kawasan sempadan dan tepian pantai. Terdapat juga anggota institusi hisbah yang dikenali sebagai petugas-petugas penguat kuasa (*al-a'awan, al-ghulam wa al-siyurtah*) yang berperanan membantu *muhitash* dalam usaha menguatkuasakan peraturan sama ada secara lembut atau keras.

Terdapat banyak dalil³² yang menyuarikan hisbah, antaranya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (*berdakwah*) kepada kebiasaan (mengembangkan Islam), dan menyeru berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (*buruk dan keji*). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.³³

Kamu (*wahai umat Muhammad*) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (*faedah*) umat manusia, (*kerana*) kamu menyeru berbuat segala

30 Abdul al-Awwal, 1969. *Muhadarah fi Nizam al-Qada' fi al-Islam*, Mesir: Maktabah al-Ahkam hlm. 78.

31 Abi al-Hasan Ali bin Muhammad al-Mawardi (t.t.) *Al-Ahkam al-Sultaniyah*, Mesir: Al-Maktabah al-Taufiqiyah.

32 Al-Ma'idah 5:87-88, al-Hajj 22:41, al-Tawbah, 9:71.

33 Ali 'Imran 3:104.

27 Dirivayatkan oleh al-Tarmizi dan beliau mensahihkannya.

28 Dirivayatkan oleh Ibn Kathir.

29 Muhammad Dhya'uddin al-Rayes, 1976. *Al-Nazariyat al-Siyasat al-Islamiyah*, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, hlm. 415-416.

perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.³⁴

Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh.³⁵

Dalil-dalil pensyariatkan hisbah juga terdapat melalui hadis-hadis Rasulullah SAW antaranya yang bermaksud:

Janganlah ada seseorang pun dalam sesuatu kumpulan (orang Islam) yang mengetahui telah berlaku kenaklukan sedangkan ia berkuasa untuk menegalkannya, tetapi ia tidak bertindak demikian (jika ini berlaku) maka Allah akan menurunkan azab kepada mereka (Riwayat Ahmad).³⁶

Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah ia membelukannya dengan tangannya, jika ia tidak mampu hendaklah dengan lidahnya, jika tidak mampu hendaklah dengan hatinya. Itulah selam-lengah iman (Riwayat Muslim).³⁷

Peranan Hisbah

Peranan Institusi Hisbah adalah untuk menguatkuasakan undang-undang Islam. Undang-undang Islam di sini meliputi soal peraturan jenayah, urusan niaga atau muamalat, rumah tangga, ketenteraman awam, keselamatan negara, perdagangan, pentadbiran awam, peraturan ibadah, akhlak, serta fahaman atau agidah.

Secara ringkasnya peranan institusi hisbah boleh terbahagi kepada tiga bahagian iaitu.³⁸

1. Perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah. Ini meliputi semua jenis ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain. *Muhtasib* bertanggungjawab untuk memastikan suruhan Allah ini dijalankan oleh orang-orang Islam yang berada di kawasan jagannya. Tugas ini

³⁴ Ali Imran 3:110.

³⁵ Ali Imran 3:114.

³⁶ Ahmad Ibn Hanbal (t.t.). *Musnad Imam Ahmad*. Beirut, Jilid 4.

³⁷ Al-Imam Muslim (t.t.). *Sahih Muslim*. Terjemahan oleh Ma'imur Daud, 2003. Singapura: Darel Fajar.

³⁸ Auni bin Haji Abdullah, *Hisbah dan pentadbiran negara*, Kuala Lumpur: Iktas Sdn. Bhd., hlm. 106-107.

termasuk dalam bidang menyeru manusia kepada kebaikan (*al-amr bil ma'ruf*). Terdapat juga bidang tugas melarang manusia dari melakukan kemungkaran (*al-nahy anil-munkar*) seperti mengambil tindakan ke atas orang yang meninggalan puasa atau enggan mengeluarkan zakat.

2. Perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia. Perkara ini terdiri daripada dua iaitu hak umum dan hak khusus. Hak umum seperti jika terdapat gangguan atau sekatan dalam bekalan air, *muhtasib* perlu mengambil tindakan untuk mengatasinya. Sementara hak khusus pula adalah seperti pencerobohan ke atas tanah jiran, masalah hutang atau kecekapan dalam perusahaan.

3. Perkara-perkara yang menjadi hak bersama antara Allah dengan manusia. Umpamanya, *muhtasib* berperanan untuk menegur dan mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai awam serta pemimpin yang melakukan penyelewengan atau tidak menunaikan amanah kepimpinan. *Muhtasib* juga perlu bertindak menyuruh para wali menikahkan anak perempuan dengan lelaki yang setaraf dengannya seperti yang diminta oleh anaknya. *Muhtasib* bertanggungjawab mendesak pemilik haiwan supaya memberikan makanan yang mencukupi kepada haiwan ternakannya.

Peranan institusi hisbah berkembang mengikut peredaran zaman. Oleh kerana perkembangan dunia semakin pesat dan kehidupan semakin kompleks, maka peranan hisbah masa kini perlu lebih luas dan menyeluruh. Sebahagian dari peranan hisbah masa kini telah dilaksanakan melalui peranan pasukan Polis Diraja Malaysia, Badan Pencegah Rasuah, Kastam Diraja Malaysia, Imigresen, penguat kuasa kerajaan tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya. Begitu juga peranan yang berkaitan dengan agama dijalankan oleh penguat kuasa jabatan agama. Institusi-institusi hisbah ini (polis dan semua badan penguat kuasa) adalah pihak yang sentiasa dan semestinya mengamalkan konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah mungkar (*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar*). Konsep tersebut adalah amat luas yang menyentuh segenap aspek kehidupan manusia.

Bidang Kuasa

Dari sudut bidang kuasa, Institusi Hisbah mempunyai kaitan dengan institusi lain seperti institusi kehakiman (*al-Qada*). Institusi kehakiman bertindak sebagai badan yang mengekalkan keadilan dan mempunyai bidang kuasa yang luas sementara institusi hisbah lebih berperanan dalam mengkuasakan undang-undang dalam lingkungan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Selain dari itu, berbeza dengan institusi kehakiman, Institusi Hisbah hanya boleh mengendalikan kemungkaran yang nyata dan terbuka serta tuntutan yang jelas. Bagi jenayah yang tidak nyata serta tuntutan yang ada pertelingkahan, perkara itu diserahkan kepada institusi kehakiman untuk memutuskannya. *Muhtasib* boleh bertindak tanpa pendakwaan, atau pengaduan, berbeza dengan mahkamah yang hanya boleh bertindak jika ada pengaduan atau pendakwaan.

Pihak yang menjalankan tugas Hisbah ini dikenali sebagai *muhtasib*. Perantikan *muhtasib* ini dibuat oleh pemerintah bagi membolehkan mereka berperanan dengan kuasa yang sah. Hukum hisbah adalah fardu kifayah dan dalam keadaan tertentu boleh menjadi fardu ain. Ulama telah membahagikan hisbah kepada dua bahagian.³⁹

1. Hisbah am – menjadi kewajipan setiap orang untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.
2. Hisbah khas – menjadi kewajipan kepada pihak yang ditugaskan secara khusus untuk melaksanakannya.

Dr. Abdul Karim Zaidan pula membahagikan mereka kepada *mutatauwie* dan *muhtasib*. *Muhtasib* dilantik secara rasmi oleh pemerintah untuk melaksanakan hisbah. *Muhtasib* adalah pegawai rasmi pemerintah yang bertugas untuk menyeru ma'ruf dan mencegah munkar dan diberi ganjaran gaji atas lantikan tersebut. *Mutatauwie* pula ialah orang yang melaksanakan hisbah kerana keimanan dan kecintaannya kepada Allah dan Rasul-Nya sebagai fardu kifayah tanpa upah atau gaji.⁴⁰

Al-Imam al-Mawardi⁴¹ menjelaskan perbezaan antara *muhtasib* dan *mutatauwie* iaitu:

1. Tugas *muhtasib* merupakan fardu ain kerana dilantik secara rasmi dan diberi upah atas tugasnya itu, manakala tugas *mutatauwie* merupakan fardu kifayah dan tidak menerima sebarang upah.
2. *Muhtasib* bertindak sebagai pembanteras maksiat secara tegas dan keras lebih-lebih lagi apabila pihak yang ditegah menentang. *Mutatauwie* tidak boleh bertindak keras atau tegas. Apabila *muhtasib* menerima aduan bantuannya diminta tentang sesuatu kemungkaran maka wajiblah baginya menerima aduan itu dan memberikan bantuan untuk tujuan tersebut namun ianya tidak wajib ke atas *mutatauwie*.

³⁹ Abdul al-Autwah, 1969. *Muhadarah fi Nizam al-Qada' fi al-Islam*, Mesir: Maktabah al-Ahram, hlm. 78.
⁴⁰ Abdul Karim Zaidan, 1984. *Nizam al-Qadha fi al-Syar'iah Islamiyah*, Baghdad: Matbaah Al-'Ani.
⁴¹ Abi al-Hasan Ali bin Muhammad al-Mawardi (t.t.) *Al-Ahkam al-Sultaniyah*, Mesir: Al-Maktabah al-Taufiqiyah, hlm. 270.

- a *Muhtasib* boleh melantik pembantu semasa menjalankan tugasnya
- b mengikut kadar yang diperlukan tetapi tidak boleh bagi seorang *mutatauwie*.
- a *Muhtasib* boleh menjalankan penyiasatan rapi dan lanjut apabila ternyata kesalahan itu dilakukan tanpa ragu-ragu. *Mutatauwie* tidak boleh menjalankan penyiasatan yang sedemikian. Walau bagaimanapun, *muhtasib* tidak perlu menjalankan penyiasatan terhadap kes-kes yang tidak jelas kesalahannya atau yang terlalu ringan yang tidak menimbulkan bahaya yang munasabah.
- b *Muhtasib* boleh mengenalkan ta'zir sebagai pengajaran dan memaksa mereka yang terlibat kembali kepada kebenaran, sedangkan *mutatauwie* tidak mempunyai kuasa sedemikian.

Seterusnya, Dr. Abdul Karim Zaidan menjelaskan berhubung *muhtasab* ialah. *Muhtasab* ialah orang yang dikenankan tindakan hisbah ke atasnya. Orang yang meninggalkan ma'ruf yang jelas dan melakukan kemungkaran yang jelas sahaja yang wajib diambil tindakan hisbah ke atasnya oleh *muhtasib*. Orang yang diambil tindakan hisbah ke atasnya disyaratkan telah melakukan perbuatan yang dicela oleh syarak sama ada melakukan munkar dengan perbuatannya yang jelas atau meninggalkan ma'ruf dengan jelas. Tindakan hisbah juga mestilah diambil walaupun perbuatan seseorang itu tidak menjadi maksiat menurut pandangan syarak, contohnya terhadap orang gila yang sedang mencuri atau minum arak.⁴²

Tegasnya, Institusi Hisbah adalah elemen pelengkap dalam penguatkuasaan undang-undang Islam. Kaedah penguatkuasaan dan hukuman secara langsung yang dilakukan oleh *muhtasib* merupakan sebahagian dari ajaran Islam yang mengarahkan umatnya mencegah kemungkaran dengan 'tangan' atau kuasa apabila didapati terdapat maksiat berlaku secara terang-terangan. Pesalah akan terus dikenankan tindakan tanpa perlu dibawa ke hadapan hakim.⁴³ Tindakan yang dilakukan oleh *muhtasib* ini dibuat secara berperingkat dengan dimulakan dengan nasihat. Jika cara nasihat tidak diendahkan, barulah *muhtasib* mengambil langkah seterusnya berbentuk hukuman. Kaedah pelaksanaan undang-undang secara langsung ini berlaku jika kesalahan yang dilakukan adalah kecil dan terbuka. Kaedah ini tidak terpakai bagi kesalahan yang berat atau tersembunyi.

Tindakan oleh hisbah boleh diambil melalui laporan yang dikemukakan oleh orang awam kepada pemerintah. Saluran ini menjadi tanggungjawab berasaskan prinsip *al amru bil ma'ruf wa an-nahy bil munkar* seperti yang

⁴² Abdul Karim Zaidan, 1984. *Nizam al-Qadha fi al-Syar'iah Islamiyah*, Baghdad: Matbaah al-'Ani, hlm 331.
⁴³ Seperti yang dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab r.a. ketika mendapati peniaga susu mencampurkan susu dengan air.

dituntut oleh Islam. Laporan ini perlu dibuat kepada badan penguat kuasa seperti badan hisbah, mahkamah atau polis yang akan menilai dan menyiasat sama ada wujud kes atau tidak. Aduan ini juga dikenali sebagai aduan *hisbah*. Pengadu mestilah memenuhi syarat antaranya:

- (i) benar-benar mengetahui perkara yang diadukan
- (ii) jujur dan ikhlas dalam menyampaikan maklumat
- (iii) niat laporan itu adalah semata-mata untuk menegakkan amar ma'ruf dan mencegah mungkar.

Di samping itu, pendakwaan juga boleh berlaku hasil dari maklumat yang diperolehi dari saluran ketiga iaitu badan penguat kuasa atau badan pengawasan yang dikenali sebagai Badan Hisbah. Badan ini merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan tugas *al-amru bil ma'ruf wa al-nahy anil munkar* seperti yang dituntut oleh Islam.

Walaupun menjadi tanggungjawab badan hisbah dan orang awam untuk melaporkan kes jenayah, namun terdapat beberapa sekatan kepada tanggungjawab ini. Antaranya, Islam melarang seseorang itu mengintip seseorang di tempat persendirian untuk mendapatkan maklumat. Ini kerana mengintip menyebabkan penceroobohan hak kebebasan individu dan ia mungkin boleh menimbulkan keaiban kepada orang yang diintip. Allah berfirman yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjauhkan diri dari menaruh syak wasangka. Sesungguhnya setengah syak wasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip dan jangan kamu menela orang lain".⁴⁴

Menurut hadis dari Abu Hurairah Rasulullah SAW bersabda "Hindarilah prasangka, kerana prasangka itu adalah berita yang paling bohong. Janganlah kamu saling mencari-cari keburukan orang. Jangan saling mengorek rahsia orang lain dan jangan saling menyanyi serta saling hasad dengki. Jangan saling marah memarahi dan jangan saling acuh tak acuh dan tidak bertegur sapa. Jadilah kamu semua bersaudara sebagai hamba Allah. (riwayat Muslim)⁴⁵

Sesiapa yang menutup kesalahannya, keaiban atau rahsia orang Muslim, maka Allah menutupi kesalahannya kelak di hari Kiamat. (riwayat Muslim)⁴⁶

Dari Abu Musa Al-Asy'ari RA katanya Rasulullah SAW telah bersabda (maksudnya) "apabila kamu telah meminta izin (memberi salam) tiga kali, jika diizinkan sila masuk, jika tidak dijawab, pulang sahajalah kembali." (riwayat Muslim)⁴⁷

Dari Abu Burdah al-Aslami, bahawa Rasulullah SAW telah naik mimbar dan menyeru dengan suara lantang "wahai orang-orang yang mengaku Islam dengan lidaunya dan tidak meresap iman ke dalam hatinya. Janganlah kamu menyakiti orang Islam dan jangan memberi malu mereka itu. Dan jangan mencari keaiban mereka kerana sesiapa yang mencari keaiban saudaranya nescaya Allah mencari keaibannya. Dan sesiapa yang mencari keaiban (orang lain) nescaya akan terdedah keaibannya (sendiri) meskipun dalam perut kenderaannya. (Riwayat Tarmizi)

Di samping itu, undang-undang Islam membenarkan tangkapan dibuat ke atas mereka yang dituduh melakukan jenayah. Hakim boleh mengeluarkan waran tangkap kepada sesiapa yang didapati tidak mahu hadir ke mahkamah.⁴⁸ Pihak yang berkuasa untuk menangkap ialah pegawai hisbah atau polis, hakim atau pegawainya, dan juga orang awam. Tangkapan oleh orang awam dibuat berasaskan tanggungjawab *amar ma'ruf dan nahy munkar*.

Islam juga membenarkan pengegedahan dibuat ke atas orang yang disyaki melakukan jenayah. Pengegedahan ini sama ada ke atas rumah atau ke atas badan. Sayidina Umar pernah mengegedah rumah al-Qarysi dan al-Thaqafi selepas menerima laporan bahawa rumah itu dijadikan pusat minum arak. Hasil pengegedahan mendapati laporan yang diberikan adalah benar kerana ada tersimpan arak di dalam rumah itu.⁴⁹ Dalam riwayat yang lain, Khalifah Umar pernah mencurahkan susu ke tanah kerana berlaku penipuan disebabkan percampuran susu dan air oleh peniaga susu tersebut dan ini dilakukan di hadapan peniaga susu tersebut.⁵⁰

Tugas menguatkusakan undang-undang Islam perlu dilakukan dengan hikmah dan berperingkat. Ia dilakukan dengan mengambil kira akhlak sesama manusia serta hak asasi pihak yang didakwa melakukan kesalahan. Para ulama telah menggariskan beberapa panduan untuk para penguat kuasa dalam menjalankan peranan mereka. Antaranya seperti yang disebut oleh Imam Ghazali tentang tahap-tahap dan pendekatan untuk pengawasan tempat terbuka yang tidak memerlukan pengintipan. Kemungkaran itu juga dilakukan oleh seseorang yang jahil tentang kesalahannya. Memulakan pencegahan kemungkaran dengan nasihat serta mengingatkan dengan kesalahan yang buruk. Jika tidak diendahkan lagi, pencegahan boleh dilakukan dengan mengesan tindakan itu dengan kata-kata yang pedas dan kesat serta mengugut dan menakutkan. Jika masih tidak berkesan ia perlu dibawa kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan.⁵¹

44 Al-Hujurat, 49:12.

45 Al-Imam Muslim (t.t.), *Sahih Muslim*. Terjemahan oleh Ma'mur Daud, 2003. Jilid IV, Singapura: Darul Fajar, Hadis no. 2191.

46 *Ibid*. Hadis no. 2210.

47 *Ibid*. Hadis no. 2016.

48 Abi al-Hassan Ali bin Muhammad al-Mawardi (t.t.) *Al-Ahkam al-Sultaniyah*, Mesir: Al-Maktabah al-Taufiqiyah, hlm. 332-333.

49 *Ibid*, hlm. 350.

50 Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Turug al-hukmuniyah*, terjemahan oleh Alia'eddin Kharoffa, 2000. Kuala Lumpur: International Law Book Services, hlm. 303.

51 Abdur-Rahman Ibrahim al-Dahyan, 1986. *Al-Idarah fi al-Islam*, Jeddah: Dar al-Syuruq, hlm. 139-140.

Had Privasi dalam Islam

Secara amnya, konsep privasi sebenarnya adalah suatu yang sukar untuk ditentukan. Di dalam sebuah masyarakat yang bertamadun, umumnya semua bersetuju bahawa hak privasi individu hendaklah dilindungi, tetapi ianya menimbulkan suatu persoalan yang lain pula iaitu setakat mana ianya perlu dilindungi.

Apabila Islam mengiktiraf hak terhadap privasi, ianya bukanlah suatu alasan untuk melanggar undang-undang dalam lingkungan persendirian seseorang individu itu. Dengan kata lain, tidak bermakna seseorang itu bebas melakukan apa sahaja yang melanggar undang-undang di kawasan persendirianya. Selain itu, dalam beberapa perkara, contohnya untuk keperluan undang-undang, ianya mestilah didedahkan kepada pihak berkuasa. Ringkasnya, untuk keadilan dan kesaksamaan dilaksanakan, perkara yang dianggap privasi oleh sesuatu pihak adalah boleh didedahkan kepada pihak yang berwajib sahaja. Sebagai contoh, di dalam undang-undang kekeluargaan merupakan bukti bahawa kehidupan peribadi seseorang bukanlah sesuatu yang di luar jangkaan penasihat undang-undang. Di dalam kes-kes jenayah pula, waran geledah diperlukan untuk melakukan penggeledahan untuk tujuan mengumpul bukti dan keterangan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan. Penyalahgunaan dadah, keganasan rumah tangga dan sunbat mahram adalah contoh-contoh perlakuan jenayah yang biasanya dilakukan di tempat persendirian. Undang-undang tidak akan melindungi perlakuan perlakuan jenayah ini hanya dengan alasan disebabkan ianya berlaku di tempat persendirian. Matlamat undang-undang untuk mencapai dan melaksanakan keadilan tidak akan tercapai sekiranya alasan hak privasi ini dibenarkan. Oleh yang demikian, pelaksanaan undang-undang tidak boleh terhenti hanya disebabkan alasan ini. Maka, atas dasar keperluan undang-undang dan keadilan, hak privasi seseorang tersebut dihadkan oleh Islam.

Begitu juga halnya dengan keterangan. Seseorang saksi itu adalah dibenarkan menceritakan kesalahan dan perbuatan tertuduh yang berkaitan dan relevan dengan pertuduhan yang dikenakan ke atasnya apabila saksi itu diminta memberikan keterangan di mahkamah atau oleh pihak yang berkuasa. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang mengadakan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*⁵²

52. Al-Ma'idah 5:8, rujuk juga al-Nisa' 4:135.

*Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi.*⁵³

*Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyunjungkan perkara yang dipersaksikan itu, dan sesiapa yang menyunjungkannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*⁵⁴

Oleh itu, adalah jelas bahawa seseorang itu tidak boleh melarang orang lain atau saksi memberikan persaksian ke atasnya di mahkamah atau apabdi diarahkan oleh pihak berkuasa atas alasan perkara yang didedahkan tersebut adalah perkara berkaitan hak privasinya. Namun, Islam tetap mengiktiraf privasi seseorang, dengan menetapkan bagi sesiapa yang menuduh seseorang itu berzina, tapi gagal mengemukakan bukti, boleh dikenakan hukuman qazal dan dicela oleh Allah SWT sebagai seorang yang fasik dan dusta.⁵⁶

Seterusnya, Islam dengan jelas menyatakan hak privasi seseorang individu itu hendaklah dilindungi. Oleh itu, hanya kesalahan yang jelas berlaku sahaya yang boleh diambil tindakan. Prasangka sahaja tidak mencukupi untuk membenarkan privasi seseorang itu diceroahi. Ini jelas berdasarkan hadis oleat-Tabrani dari Harithat ibn Nu'man, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "jika engkau menaruh prasangka (terhadap seseorang), maka janganlah engkau membenarkannya."⁵⁷ Namun begitu, sekiranya perkara maksiat dakemungkinan itu dilakukan dengan jelas, perlindungan hak privasi terhadap orang itu adalah tidak terpakai. Menurut Abu Daud, dari Abu Bakr ibn Syaiba katanya: kami telah diceritakan oleh Abu Mu'awiyah dari al-A'masy dari Zai ibn Wahab katanya: Abdullah ibn Mas'ud datang, lalu orang berkata kepadanya: si polan itu jangutnya menitis dengan arak. Jawab Abdullah: "Kita dilartar mengutip mencari kesalahan orang lain, tetapi jika kesalahan itu benar-benar tampak kepada kita, bolehlah kita menangkapnya." Ini disokong dari Mujahid yang menyatakan "janganlah kamu mengutip (mencari kesalahan orang lain ambillah dengan kesalahan yang nampak kepada kamu sahaja dan tinggalkanlah kesalahan yang dilindungi Allah."⁵⁸

53. Al-Baqarah 2:282.

54. Al-Baqarah 2:283.

55. Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihar kehoormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatla mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka it selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik (al-Nur 24:4).

56. Sepatutnya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi membuktikan tuduha itu. Oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu pada si hukum Allah, adalah orang-orang yang dusta (al-Nur 24:13).

57. Asy-Syaid Sayid Quth, 2000. *Tafsir fi Zilalil Qur'an*, Jilid 15, Kota Bharu: Pustaka Ama Sdn. Bhd., hlm. 106.

58. *Ibid*, hlm. 107-108.

Oleh itu, adalah jelas bahawa prasangka yang buruk itu hanya diharamkan terhadap orang yang disaksikan sebagai orang yang menutup aibnya, salah dan terkenal amanatnya. Manakala orang yang jelas melakukan dosa, seperti orang yang masuk ke tempat-tempat pelacuran atau berteman dengan penyanyi-penyanyi yang keji, maka tidak diharamkan berprasangka terhadapnya.⁵⁹ Dalam *Kitab Sha'bu'l-Iman*, al-Bayhaqi pernah meriwayatkan sebuah riwayat daripada Sa'id ibn Musayyab yang berkata, "Aku pernah mendapat surat daripada sebahagian temanku dari kalangan para sahabat Rasulullah SAW, bunyinya: "Letakkanlah urusan saudaramu di tempat yang terbaik selagi mana tidak datang kepadamu berita yang lebih kuat menurut pandanganmu. Jangnalah sekali-kali kamu menyangka kata-kata yang keluar daripada seorang muslim itu sebagai sesuatu yang buruk, padahal kamu masih memperoleh tempat yang baik untuk kata-kata itu. Sesiapa yang mendedahkan dirinya untuk menjadi sasaran prasangka, maka jangnalah sekali-kali dia mencela, kecuali terhadap dirinya sendiri. Sesiapa yang menutup rahsianya, maka pilihan itu ada ditangannya."⁶⁰

Allah SWT juga melarang hamba-Nya agar jangan sekali-kali mencari keburukan dan rahsia orang lain dengan tujuan untuk mengetahui kecacatan mahupun kekurangannya. Sebaliknya hendaklah berpuas hati dengan apa yang nyata sahaja. Dengan itu, pujian dan kecaman sesuatu itu hendaklah berdasarkan sesuatu perkara yang diketahui daripada perkara nyata sahaja. Dengan kata lain, Islam tidak melarang pelanggaran hak privasi seseorang itu sekiranya perlakuan itu dilakukan secara terang-terangan atau jelas dilakukan sahaja.

Selain dari itu, pihak yang berkuasa pula hendaklah bertindak di atas laporan yang ada asas sahaja. Ini adalah untuk menjaga privasi seseorang itu agar tidak dicerobohi dengan laporan yang tidak berasas atau tidak bertanggungjawab. Sekiranya laporan yang diberikan itu berasas, adalah tidak salah siasatan dijalankan. Sementara itu, bagi pihak yang ingin membuat laporan, ianya hendaklah dilakukan secara *bona fide* (suci hati) dan untuk tujuan kebalikan. Tujuan itu tidak akan tercapai kecuali dengan mendedahkan keburukan atau kejahatan yang berlaku itu kepada pihak berkuasa. Dalam hal ini, menurut syara', secara ringkasnya ada enam keadaan di mana keburukan atau kejahatan itu boleh didedahkan dan dilaporkan kepada pihak berkuasa:

1. Mengadukan penganiayaan. Maksudnya orang yang dianiaya boleh mengadukan halnya kepada orang yang dia sangka dapat menghilangkan penganiayaan tersebut atau meringankannya.
2. Meminta tolong untuk mengubah kemungkaran dengan menceritakan

⁵⁹ Ahmad Mustafa Al-Maraghi, *Tafsir Al-Maraghi*, Jilid 13 (Juzuk 25 & 26), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6505.

⁶⁰ *Ibid.*

kemungkaran tersebut kepada orang yang dia sangka mampu menghapuskan kemungkaran tersebut.

3. Meminta fatwa. Oleh itu boleh bagi orang yang meminta fatwa untuk berkata kepada mufti, si polan telah menganiaya aku seperti yang demikian. Dalam hal ini dia boleh melakukan perkara itu.
4. Memberi peringatan agar orang Islam berwaspada terhadap keburukan, seperti cacatnya para perawi dan orang yang berani memberi fatwa, padahal mereka bukan ahli dalam perkara tersebut. Contoh yang lain ketika mahu memberi nasihat kepada orang yang mahu berkelahin dan berkawan dalam soal agama atau dunia walaupun mereka tidak memintanya memberi saranan. Tetapi pendedahan itu hendaklah terbatas untuk masalah dengan menyebut satu atau dua keaiban sahaja.
5. Menceritakan tentang orang yang melakukan kefasikan secara jelas, seperti mereka yang gemar minum arak dan mengunjungi tempat-tempat pelacuran, apatah lagi dia berasa bangga dengan perbuatan-perbuatannya.
6. Menisbahkan gelaran atau lainnya, seperti si mata satu atau si rabun dan lain-lain, apabila orang tidak mengenalinya kecuali dengan gelaran seperti itu.⁶¹

Sungguhpun pendedahan keburukan atau kejahatan itu dibenarkan dalam keadaan tertentu seperti yang telah dinyatakan di atas, namun adalah lebih baik jika ianya tidak didedahkan. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berturus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, Lagi Maha Mengetahui.*⁶²

Menurut al-Bukhari dan Muslim dalam al-Sahih daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Nabi SAW bersabda:

"Hindarilah olehmu prasangka kerana prasangka itu berita yang paling dusta. Jangnalah juga kamu mencari kesalahan orang lain, dan mencari-cari berita mengenai, serta jangnalah saling mengatasi dalam jual beli, jangnalah saling membenci dan jangnalah tidak bertegur sapa, dan jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang muslim tidak bercakap dengan saudaranya lebih daripada tiga hari".

⁶¹ *Ibid.*, hlm. 6510.

⁶² An-Nisa' 4:148.

Selanjutnya dalam hadis⁶³ yang lain pula, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

“Wahai golongan yang beriman dengan lidaunya tetapi iman itu tidak masuk ke dalam hatinya, janganlah kamu mengumpat orang Islam dan mencari-cari aib mereka. Sesiapa yang mencari aib orang Islam, pasti Allah SWT akan mencari pula kecacatannya. Dan barang siapa yang dicari aibnya oleh Allah SWT, pasti dia akan mendedahnya di tengah rumahnya sendiri”.⁶⁴ Daripada ayat-ayat dan hadis yang telah dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk menutup keaiban orang lain, dengan kata lain, menghormati privasi orang lain.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis berpandangan bahawa adalah jelas Islam mengiktiraf hak privasi individu. Islam menghormati dan melindungi hak privasi seseorang insan tanpa mengira agama. Namun, hak privasi yang diberikan oleh Islam tidak bersifat mutlak. Ianya adalah tertakluk kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah dalam mencapai keadilan dan kesaksamaan untuk kepentingan agama, negara dan rakyat seluruhnya. Oleh itu, Islam menghormati dan menghargai hak privasi setiap insan dengan menetapkan kesemua hal peribadi seseorang tidak boleh diceroobi melainkan dengan tujuan untuk mencapai keadilan serta ianya mestilah melalui proses undang-undang (*due process of law*). Pendedahan dan penzahiran (*disclosure*) boleh dipaksa ke atas pihak-pihak yang melakukan atau disyaki melakukan kesalahan atau terlibat dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang atas bukti yang kukuh.

Selain dari itu, Islam memberikan dan mengiktiraf hak privasi setiap individu terhadap perkara dan perbuatan yang dilakukan di tempat persendirian sahaja dan bukannya di tempat awam dan umum.⁶⁵ Dengan kata lain, seseorang itu tidak boleh mendakwa bahawa perlakuan atau perbuatannya yang bertentangan dengan undang-undang atau norma yang telah diterimapakai oleh sesuatu masyarakat tidak boleh diganggu atas alasan bahawa ianya adalah hak privasinya, sekiranya ianya dilakukan di tempat awam. Sekiranya perbuatan tersebut dilakukan di tempat persendirian sekalipun, tindakan undang-undang boleh diambil, tertakluk kepada had yang telah dinyatakan sebelum ini.

Bagi seorang Islam, apabila telah mengaku Islam, beliau adalah tertakluk kepada hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini adalah kerana

seluruh perjalanan kehidupan manusia di bumi ini adalah untuk melakukan ibadat kepada Allah SWT semata-mata.⁶⁶ Dengan kata lain, setiap perbuatan dan perlakuan manusia ini tidak akan terlepas dari pandangan Allah SWT, dan ianya akan dinilai untuk diberikan ganjaran pahala atau sebaliknya.⁶⁷ Namun, Allah SWT tetap memberi pilihan⁶⁸ kepada hamba-Nya untuk menjalani kehidupan di dunia ini, terpulang kepada manusia yang diberikan akal⁶⁹ oleh Allah SWT untuk memikirkan yang terbaik buat diri mereka.⁷⁰ Di samping itu, Allah SWT telah menurunkan al-Qur'an⁷¹ dan mengutuskan Rasul-rasul-Nya⁷² untuk menunjukkan jalan yang benar kepada umat manusia bagi menjalani kehidupan di dunia ini.

63 Daripada Abu Barzakh al-'Aslamiy.
64 Ahmad Mustafa Al-Maraghniy, 2001. *Tafsir Al-Maraghniy*, Jilid 13 (Juzuk 25 & 26), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6507.
65 Namun, tertakluk kepada had-had yang telah dibincangkan.

66 Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku" (al-Dharyat, 51:56).
67 Firman Allah SWT yang bermaksud: "Maka sesiapa berbuat kejahatan sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)." (al-Zalzalah, 99:7-8).
68 Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, (jalan kebaikan untuk dipelajinya, dan jalan kejahatan untuk dijaui)." (Al-Balad 90:10).
69 Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandung pelajaran yang mendatangkan ikhtibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Yusuf 12:111). Juga lihat Hood 11:51.
70 Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan demi sesungguhnya! Kami telah berulang kali menyebarkan hujah-hujah di antara manusia melalui al-Quran supaya mereka berfikir (mengenal) serta beryukur; dalam pada itu kebanyakan manusia tidak mahu melainkan berlaku kufur." (Al-Furqan 25:30). Rujuk juga al-Quran 2:266, 39:42, 20:89.
71 Firman Allah SWT yang bermaksud: "Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa." (al-Baqarah 2:2).
72 Firman Allah SWT yang bermaksud: "(Demikianlah) peraturan (Kami yang tetap mengeni) orang-orang yang telah Kami utuskan sebelumnya dari Rasul-rasul Kami; dan engkau tidak akan dapat sebarang perubahan bagi peraturan Kami yang tetap itu." (Al-Isra', 17:77). Rujuk juga al-Nisa' 4:165.